

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COB - Pusat Pengajian Pengurusan PERNIAGAAN
Sent: Monday, February 13, 2017 4:12 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Hanizaton Bt Hassan
Subject: LAWATAN DELEGASI UNIVERSITAS PRIMA INDONESIA (UNPRI) KE PUSAT PENGAJIAN PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM), UUM COB



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**

SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT

Universiti Utara Malaysia



13 Februari 2017 | 16 Jamadilawal 1438H

=====

UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan salam sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan

**LAWATAN DELEGASI UNIVERSITAS PRIMA INDONESIA (UNPRI) KE PUSAT PENGAJIAN
PENGURUSAN PERNIAGAAN (SBM), UUM COB**



SBM Online: Pada 12 Februari 2017 yang lalu, Pusat Pengajian Perniagaan (SBM) UUM telah menerima lawatan dari delegasi Universitas Prima Indonesia (UNPRI) yang diketuai oleh Teng Sauh Hwee (*Head of International Cooperation*) dan Abdi Dharma (*Head of Centra Information*). Ketibaan delegasi dari UNPRI telah disambut oleh Dekan SBM, Yg. Berusaha Prof. Dr. Haim Hilman Abdullah serta Ketua Jabatan, Penyelaras Pasca Siswazah dan Penyelaras Program Kolaborasi Strategik Antarabangsa.

UNPRI adalah sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta yang terletak di Medan Indonesia dan telah ditubuhkan pada tahun 2005. UNPRI menawarkan pelbagai program daripada peringkat Ijazah Pertama hingga Sarjana.

Pada sesi perbincangan tersebut, delegasi telah diberikan taklimat tentang program yang ditawarkan beserta dengan kemudahan yang disediakan untuk pelajar yang mengikuti pengajian di UUM. Disamping itu delegasi diberi penerangan tentang anugerah dan akreditasi yang berjaya diperolehi SBM, UUM COB seperti AACSB dan Beta Gama Sigma.

Agenda utama perbincangan adalah berkisar berkenaan peluang kerjasama yang mungkin boleh dimanfaatkan antara UNPRI dan SBM seperti program *double degree*, *student mobility* serta pertukaran pensyarah antara UNPRI dan SBM. Disamping itu, perbincangan juga menyentuh peluang lain yang ada iaitu '*matching grant*' serta '*joint conference*' di antara UNPRI dan SBM. Delegasi juga menyentuh tentang peluang melanjutkan pengajian peringkat PhD untuk pensyarah UNPRI di bidang yang boleh ditawarkan di SBM.

Diharapkan hasil perbincangan dan lawatan ini, satu kerjasama yang strategik dapat dimeteraikan antara UNPRI dan SBM dalam masa yang terdekat.

Sekian.



**Pusat Pengajian Pengurusan
Perniagaan**
SCHOOL OF BUSINESS MANAGEMENT
Universiti Utara Malaysia

we drive for Creativity and Sustainability

School of Business Management (SBM)
UUM COB
Universiti Utara Malaysia
06010 Sintok
Kedah Darul Aman

+604-928 7401
+604-928 7422
sbm@uum.edu.my
<http://sbm.uum.edu.my/>
<https://www.facebook.com/sbm.uum>










Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.